



MYUniMAP  
Edisi XXXVI  
FOKUS

## 3,623 GRADUAN BERGRADUASI DI ISTIADAT KONVOKESYEN UniMAP KE-13

Oleh - Aminulniza Mohd Yusof

Pauh Putra, 29 Oktober – Seramai 3,623 siswazah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah sempena Istiadat Konvokesyen Ke-13, di Dewan Ilmu, di sini mulai 27 Oktober lalu.

Istiadat yang berlangsung selama tiga hari itu disempurnakan pembukaannya oleh Canselor UniMAP, DYT M Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Raja Muda Perlis.

Berangkat sama Pro Canselor UniMAP, DYT M Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Raja Puan Muda Perlis.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP (LPU) Datuk Prof Emeritus Dr Kamarudin Hussin, ahli-ahli LPU, Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal, dan di-dif kehormat.

Sebanyak enam sidang diadakan bagi menganugerahkan skrol diploma kepada 382 siswazah manakala 1669 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 654 sarjana Muda Teknologi kejuruteraan, 504 Sarjana Muda Pemiagaan dan 153 Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu.

Selain itu, seramai 169 turut menerima sarjana dan 92 doktor falsafah termasuk 118 siswazah antarabangsa.

Turut diberi penghargaan adalah dua siswazah menerima Anugerah Pelajaran Diraja, dua siswazah menerima Pingat Emas Canselor, lima siswazah penerima Pingat Emas Naib Canselor.







MYUniMAP  
Edisi XXXVI  
FOKUS



Istiadat kali ini turut menyaksikan dua tokoh menerima Ijazah Kehormat iaitu mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP Dato Prof Emeritus Ir. Dr Zainal Mohamed (Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MODENAS, Tuan Amiruddin Abd Kadir (Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan).

Turut menyeronokkan istiadat tiga hari itu adalah Festival Konvokesyen-13 (FESTKON'13) yang dikendalikan oleh mahasiswa UniMAP dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP dengan dirasmikan oleh Tuanku Canselor pada 24 Oktober lalu.

Terdahulu, pada 26 Oktober lalu telah berlangsung Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen yang diadakan di Dewan Warisan dengan tema "Nurturing a Culture of Green Lifestyle to Synergize a Sustainable Society" anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Sistem Elektrik.



Dalam majlis itu, seramai 411 siswazah menerima Hadiah Pelajaran, Hadiah Inovasi dan Hadiah Buku dengan penaja hadiah ialah termasuk Silerra, Kumpulan Media Karangkraf, Cisco Systems, Tekmark, Kobe Precision Technology, Flextronics Technology, SBJ Technologies, SMC Pneumatics, UniMAP Green Tech, Infineon Technologies, UMW, Industrial Laboratories, Bac Biomass, FMZ Net Solution, Teknologi Tenaga Perlis Consortium, Dibuk, dan Roda Prestasi.

Turut dilancarkan empat buah buku terbitan Unit Penerbitan UniMAP selain 13 memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) telah ditandatangani di antara UniMAP dengan industri manakala empat lagi dengan institusi pendidikan.

